



STATISTIK KERATAN AKHBAR APRIL 2023

BIL	TAJUK PERKARA	SUMBER/MUKA SURAT	TARIKH	BAHAGIAN/FAIL
1	KERANGKA TADBIR MADANI PERLU PANDU UNIVERSITI	UTUSAN MALAYSIA MS 18	03/04/2023	KPT
2	SISTEM SPA9 BERTEKNOLOGI TINGGI, BUAT TAPISAN AWAL	BERITA HARIAN MS 03	03/04/2023	SEMASA
3	SISWA PEKA JENAYAH SIBER	HARIAN METRO MS 36	03/04/2023	KPT
4	UMT AGIH DANA USAHAWAN SISWA	BERITA HARIAN MS 08	03/04/2023	KPT
5	IFTAR ALA MADINAH@KARANGKRAF TARIK RAMAI PELAJAR IPT	SINAR HARIAN MS 18	05/04/2023	KPT
6	KERAJAAN TIDAK KONGKONG MAHASISWA'	SINAR HARIAN MS 06	08/04/2023	KPT
7	SURAH AL-MU'MINUN PANDU MUKMIN UBAH DIRI	BERITA HARIAN MS 40	09/04/2023	AGAMA
8	KUALA LUMPUR BANDAR SASTERA	SINAR AHAD MS 34	09/04/2023	RENCANA
9	AMAL SOLEH, SIFAT BERPADA, JUJUR JADIKAN REZEKI BERKAT	BERITA HARIAN MS 25	10/04/2023	AGAMA
10	POLITEKNIK JELI SEDIA JADI HAB KETERJAMINAN MAKANAN	BERITA HARIAN MS 27	10/04/2023	POLITEKNIK
11	BERSIHKAN SEKTOR AWAM DARIPADA AMALAN MINTA KOMISEN	BERITA HARIAN MS 11	10/04/2023	SEMASA

JUMLAH KESELURUHAN : 11

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: AMAL SOLEH, SIFAT BERPADA, JUJUR JADIKAN REZEKI BERKAT

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 25

TARIKH : 10/04/2023

BH Isnin, 10 April 2023

Agama

25



Amal soleh, sifat berpada, jujur jadikan rezeki berkat

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Dalam kesibukan mencari rezeki demi hidup lebih selesa dan memenuhi keperluan harian diri dan keluarga, ada daripada kita terlepas pandang mengenai soal keberkatan.

Ada yang mungkin memperoleh rezeki melimpah ruah tetapi terus berlumba-lumba untuk bekerja lebih kuat hingga mengabaikan perkara lain dituntut agama.

Di sinilah pentingnya keberkatan rezeki. Memahami maksud rezeki berkat sebenarnya akan menjadikan kita lebih bersederhana, sentiasa berwaspada dalam urusan kerja dengan tidak melakukan perkara bertentangan dengan syarak.

Pendakwah, Halim Din, berkata perkara paling asas dalam memahami konteks rezeki berkat adalah meletakkan dalam diri bawah segala nikmat, kekayaan dan kesenangan diperoleh hari ini semuanya datang daripada Allah SWT.

"Keberkatan itu maksudnya pertambahan kebaikan. Ia boleh diperoleh melalui pelbagai cara. Misalnya bagi peniaga, janganlah terlalu berkira. Sesekali ada rezeki lebih mengapa tidak sumbangkan makanan kepada yang memerlukan.

"Selain itu, kita perlu ubah persepsi salah, iaitu bekerja di tempat yang halal sumbernya sudah memadai. Pada masa sama, kita abaikan perkara lain seperti tidak berpuasa Ramadan kerana merasakan ia tak ber keisnan kepada sumber rezeki, kononnya janji sumber kerja itu halal," katanya.

Mengulas lanjut, Halim berkata, kerana itu setiap umat Islam itu perlu sentiasa bermuhasabah diri bagi memastikan kita tidak hilang keberkatan yang setiap perkara dilakukan.

"Apabila kita peroleh sesuatu rezeki, jangan sesekali lupa bahawa kekayaan daripada apa diusahakan itu Allah SWT boleh cabut pada bila-bila masa.

"Keberkatan boleh hilang apabila kita tidak mensyukuri nikmat diberi. Namun, apabila kita sentiasa bersyukur, ia akan mendekatkan kita lagi kepada keberkatan daripada Allah SWT.

"Maknanya, jangan lupa tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah SWT. Allah SWT itu Maha Pemberi dan Maha Melihat sejauh mana hamba-Nya bersyukur," katanya.

Memperincikan ciri-ciri orang memperoleh keberkatan rezeki, beliau berkata, antara memiliki sifat qanaah, iaitu sentiasa berasa cukup dan tidak meminta-meminta.

Katanya, mereka ini akan selalu bersederhana dalam

apa sahaja dikerjakan. Jika dapat rezeki sedikit, tetap bersyukur dan tidak mengeluh dengan kesusahan dihadapi.

"Selain itu, orang meraih keberkatan rezeki juga mudah bersedekah. Maknanya dia tidak bakhil untuk berinfak ke jalan Allah SWT. Kesan daripada perbuatan itu Allah SWT akan lorongkan rezekinya lebih melimpah ruah dan bertambah.

"Misalnya, bagi orang bermula, kita tengok ada gerai yang ramai datang tak putus-putus, ini salah satu tanda sumber rezekinya diberkati," katanya.

Keberkatan rezeki

Selain itu, jelasnya, keberkatan rezeki sebenarnya dapat dilihat melalui pelbagai nikmat termasuk kesihatan, jarang ada masalah kewangan sehingga terpaksa berhutang dan terserlah melalui tingkah lakunya.

"Orang yang rezekinya sentiasa berkat, jika bekerja dia tidak berkira untuk menolong atau cemas dalam menjalankan amanah.

"Malah, sentiasa berdisiplin, patuh pada arahan dan tidak melakukan perkara selain ditugaskan dalam waktu kerja," katanya.

Tambahnya, dalam usaha mencari rezeki berkat, usahlah sesekali terjebak dengan melakukan perbuatan dosa dan mungkar.

"Daripada hadis riwayat Tsaiban RA, tiada faktor yang boleh menambah umur kecuali kebajikan dan tiada sesuatu yang boleh menolak takdir kecuali doa.

"Ini yang perlu kita terapkan dalam diri, supaya elak daripada melakukan dosa ketika melaksanakan

sesuatu pekerjaan, misalnya penipuan apatah lagi dalam Ramadan mulia ini.

"Oleh itu, saya suka untuk ingatkan peniaga di bazar Ramadan, mungkin pembeli tak tahu ada yang sengaja menjual lauk atau juadah yang tidak habis semalam dan kemudian didapati ia basi. Mungkin di dunia kita lepas tetapi Allah Maha Melihat perbuatan sebegini," katanya.

Justeru, katanya, antara garis panduan penting ke arah memperoleh keberkatan di sisi Allah SWT adalah sentiasa jujur dan amanah.

Jelasnya, walaupun keberkatan itu tidak dapat diukur sepenuhnya dengan mata kasar, tetapi ia secara tidak langsung memberikan impak kepada kehidupan seseorang itu, umpamanya tidak memperoleh keterangan dalam hidup, sentiasa ditimpah pelbagai masalah dan sering merasakan apa yang ada tidak mencukupi.

Selain itu, nikmat keberkatan itu dapat dirasai jika kita tidak mengabaikan tanggungjawab terhadap Allah SWT.

"Walau sibuk macam mana sekali pun, jangan tinggalkan perkara yang fardu. Solat mestilah dilaksanakan.

"Satu lagi kena bersyukur dengan rezeki dikurniakan. Misalnya sudah cukup nisab dan haul, perlu bayar zakat. Bayarlah zakat pendapatan sebagai satu tanda syukur kepada Allah SWT," katanya.

Ibrahim: "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: "Demi sesungguhnya! Jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahkan nikmat-Ku kepada kamu dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras."

kenanga

Kenanga Investors

Fadilat
Ramadan

Abu Hurairah RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Setiap amal anak Adam dilipatgandakan pahalanya. Satu kebaikan diberi 10 sampai tujuh ratus kali pahala. Allah SWT berfirman: "(Pahala itu untuk) Selain puasa kerana puasa itu untuk-Ku. Aku akan memberi pahala bagi orang puasa kerana dia meninggalkan nafsu syahwat dan nafsu makannya disebabkan-Ku. Dan bagi orang puasa ada dua kegembiraan: Pertama, ketika dia berbuka dan kedua, ketika dia bertemu dengan Tuhanmu. Sesungguhnya bau mulut orang puasa lebih harum di sisi Allah daripada bau kasturi." (HR Muslim)

PENAFIAN: Artikel ini disiarkan bertujuan untuk mendidik, memupuk kesedaran dan tidak harus ditafsirkan sebagai tawaran atau memujuk untuk menerima tawaran, juga melanggar produk Kenanga Investors Berhad (KIB). Tiada wakil atau jaminan daripada KIB atau sebarang penerimaan tanggungjawab dan liabiliti untuk ketetapan, kesempurnaan maupun kebenaran ke atas maklumat yang terkandung.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: BERSIHKAN SEKTOR AWAM DARIPADA AMALAN MINTA KOMISEN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 11

TARIKH : 10/04/2023

Bersihkan sektor awam daripada amalan minta komisen

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed
bhrencana@bh.com.my

Pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim masih wujud 'budaya lama' mahu mendapatkan komisen ketika berurusan dengan kerajaan perlu dipandang serius seluruh warga perkhidmatan awam.

Ironinya, banyak kali Perdana Menteri menyentuh soal rasuah dalam perkhidmatan awam serta keperluan untuk mewujudkan tata kelola dan tadbir urus lebih baik, cekap serta bersih.

Timbalan Ketua,
Panel Pemikir
Pemerhati Rasuah
Malaysia (MCW)

Hakikatnya, sukar untuk menghapuskan budaya lama seperti ini yang menghantui perkhidmatan awam serta menimbulkan pelbagai persepsi negatif dalam kalangan rakyat.

Justeru, imej bersih wajar menjadi identiti setiap penjawat awam dengan memberikan perkhidmatan berpaksikan budaya amanah dan integriti tinggi.

Walaupun bukan mudah untuk membersihkan budaya meminta komisen atau mengharapkan ganjaran, namun semua pemegang taruh tidak boleh berputus asa atau mengalah, sebaliknya perlu terus melaksanakan pelbagai inisiatif membersihkan imej dan nama baik perkhidmatan awam yang tercalar angkara segelintir penjawat awam yang tamak dan mengambil kesempatan.

Bermakna, usaha untuk memperkasa jiwa penjawat awam supaya berpegang kepada amalan tata

kelola berpaksikan prinsip bersih dan cekap perlu menjadi agenda utama setiap agensi kerajaan.

Penjawat awam tanpa mengira pangkat dan jawatan perlu ada rasa malu untuk meminta dan menerima rasuah, memancing komisen atau ganjaran ketika berkhidmat. Budaya negatif ini dalam bekerja perlu dihentikan segera.

Bukan mudah ubah sesuatu budaya

Tidak dinafikan, mengubah sesuatu budaya yang menjadi amalan lazim atau normalisasi selama ini bukan tugas mudah. Ia menuntut tekad dalam diri untuk berubah yang kuat.

Misalnya, bagi yang sudah terbiasa meminta komisen dan ganjaran mungkin tidak ada lagi perasaan takut, segan dan malu untuk meneruskan aktiviti itu.

Oleh itu, kerjasama daripada segenap lapisan penjawat awam diperlukan jika mahu mempertularkan budaya negatif ini dalam keseluruhan ekosistem perkhidmatan awam.

Penjawat awam perlu memandang serius teguran dan harapan Perdana Menteri ini. Sampai bila penjawat awam mahu membiarkan individu tamak dan tidak berintegriti terus merošakkan nama baik agensi dan jabatan diwakili.

Justeru sudah tiba masa setiap penjawat awam bangkit berganding bahu menzahirkan komitmen memperbaiki imej dan nama baik perkhidmatan awam dengan 'biasakan yang betul dan betulkan yang biasa'.

Penjawat awam perlu menzahirkan tata kelola

cekap dan bersih, selain memperagakan imej dan amalan bertunjangan nilai integriti tinggi.

Memandangkan imej bersih akan memberikan manfaat besar kepada perkhidmatan awam, rakyat dan negara, maka setiap agensi dan jabatan kerajaan perlu memasang tekad membersihkan imej anggota dan agensi masing-masing.

Biar perkhidmatan awam dikenali dengan imej bersih sebagai lambang identiti tidak boleh dikompromi. Bermakna, budaya kerja mengutamakan amalan cekap dan bersih perlu sebat dalam diri setiap penjawat awam.

Semua pihak dalam perkhidmatan awam perlu bekerjasama demi membanteras budaya tidak sihat ini dan menggantikannya dengan kaedah tata kelola baharu lebih cekap dan bersih yang akhirnya memulihkan imej sektor awam.

Imej bersih perkhidmatan awam akan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap sektor awam terutama aspek tadbir urus kerajaan secara keseluruhannya. Bermakna anggota masyarakat akan lebih selesa untuk berurusan dengan agensi kerajaan.

Dalam konteks lebih besar, perkhidmatan awam yang 'bersih' juga melonjakkan imej negara di pentas antarabangsa termasuk memberi keyakinan kepada pelabur untuk melabur ke negara ini.

Kemasukan pelabur pula boleh membantu proses pemulihan semua sektor ekonomi dengan lebih segera, memacu kembali pendapatan rakyat dan negara selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga tempatan.

TAJUK:IFTAR ALA MADINAH@KARANGKRAF TARIK RAMAI PELAJAR IPT

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 18

TARIKH : 05/04/2023

RABU 5 APRIL 2023 • SINAR HARIAN

18 | NASIONAL

SINAR RAMADAN

Selain jamu selera, mereka mahu cipta memori berbuka bersama

Oleh NOR SYAMIRA LIANA
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Kebanyak mahasiswa menyifatkan program Iftar Ala Madinah@ Karangkraf bukan sekadar menawarkan juadah berbuka puasa secara percutia tetapi ia juga merupakan peluang untuk mencipta memori terindah bersama rakan-rakan.

M a h a s i s w i Universiti Teknologi Mara (UiTM), Nur Hazirah Muhd Helmi, 23, berkata, kehadirannya ke Kompleks Karangkraf bukan sahaja mahu me luangkan masa dengan rakan-rakan malah untuk menikmati juadah berbuka puasa bersama pengunjung lain yang hadir.

"Rentetan dari pada serangan wabak Covid-19, saya tidak mempunyai banyak kenangan bersama kawan-kawan kerana kaedah pengajian sebelum ini adalah secara dalam talian.

"Walaupun kini kami telah kembali ke kampus, tidak semua

Iftar Ala Madinah@Karangkraf tarik ramai pelajar IPT

mempunyai masa luang yang sama. Jadi apabila mempunyai kesempatan untuk berkumpul bersama-sama, kami akan pastikan masa itu digunakan untuk mencipta momen-momen indah," katanya ketika ditemui pada Isnin.

Ujar Nur Hazirah, kemeriah program Iftar Ala Madinah telah tular di media sosial, TikTok sehingga dia mahu merasai suasana sebenar bersama sahabatnya.

Tambahnya, sebaik sahaja melihat video yang dikongsikan itu, dia berasa teruja untuk menyertai acara itu kerana ia dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat.

"Ini merupakan Ramadan pertama saya di kampus, jadi saya benar-benar gembira untuk menyambut bulan yang mulia ini dengan sahabat handai," kata Nur Hazirah lagi.

Berkongsi pandangan sama, Nur Diyana Kamilah Shobri, 23, berkata, sebagai seorang pelajar tahun akhir, ini adalah masa yang tepat untuk me luangkan masa bersama rakan sekelas.

Pelajar jurusan undang-undang itu menambah, momen berbuka secara terbuka dan beramai-ramai mungkin tidak akan diperolehi di tempat



Mahasiswa merupakan antara pengunjung yang paling ramai hadir ke majlis berbuka puasa di Kompleks Karangkraf, Shah Alam, Selangor.

lain melainkan di Kompleks Karangkraf.

"Sebaik sahaja mengetahui tentang program Iftar Ala Madinah daripada rakan-rakan fakulti, saya tidak mahu ketinggalan untuk merasai pengalaman itu, jadi saya ambil peluang yang ada dengan mengajak rakan sekelas untuk hadir bersama," jelasnya.

Dalam pada itu, mahasiswa berkenaan turut menyifatkan inisiatif yang dijalankan oleh pihak Karangkraf merupakan satu pendekatan terbaik dalam membantu golongan memerlukan seperti para pelajar dan asnaf.

Sementara itu, mahasiswa

Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Wan Muhammad Syahmi Wan Muhammad Sabri, 23, berkata, kemerahan berbuka seperti di Madinah membuatkan dia terpangil untuk menyertai.

"Saya pernah pergi menuai umrah bersama-sama keluarga tetapi bukan pada bulan Ramadan, jadi apabila rakan-rakan memaklumkan suasana berbuka di sini (program Iftar Ala Madinah @Karangkraf) persis di Madinah.

"Justeru, saya jadi teruja untuk merasai pengalaman berbuka ala Madinah dan mahu mengimbau kembali memori se-

waktu berada di Tanah Suci itu," katanya.

Pada masa sama, Wan Muhammad memaklumkan, bahawa program Iftar Ala Madinah @Karangkraf sedikit sebanyak dapat meringankan beban para pelajar di bulan Ramadan ini.

Jelasnya, jika program itu tidak diadakan, mereka mungkin akan membelanjakan wang sebanyak RM15 hingga RM20 sehari untuk membeli juadah berbuka.

Program Iftar ala Madinah @ Karangkraf bermula sejak 24 Mac lalu hingga 18 April ini dan mampu menampung seramai 1,000 pengunjung setiap hari.



Kemerahan Iftar Ala Madinah pada Isnin diserikan lagi dengan tazkirah oleh pendakwah muda, Iddin Ramli.



Suasana di lokasi program Iftar Ala Madinah @Karangkraf sebelum masuknya waktu berbuka puasa pada Isnin.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: 'KERAJAAN TIDAK KONGKONG MAHASISWA'

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 06

TARIKH : 08/04/2023

SHN MLS 6
8/4/23

'Kerajaan tidak kongkong mahasiswa'

Anwar mahu golongan itu tidak menjadi 'macai' dan 'walaun' menghentam tanpa fakta

Oleh FARAH SHAZWANI ALI
SHAH ALAM



FOTO: BERNAMA

Anwar sewaktu Sesi Dialog Bersama Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Se-Malaysia sempena lawatannya ke UiTM Shah Alam, pada Jumaat.

Kerajaan tidak mempunyai masalah sekiranya golongan mahasiswa ingin menyuarakan pendapat dan bantahan, namun perlu ada hadnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mahasiswa perlu menghormati sistem dan bukannya menjadi 'macai' dan 'walaun' yang menghentam kerajaan tanpa fakta.

Menurutnya, kerajaan tidak mahu mengongkong mahasiswa, namun mereka harus ditegur jika dirasakan keterlaluan dalam menyuarakan pendapat.

"Kalau nak bantah, saya tak ada masalah. (Memang) ada kalanya kita bersetuju (pendapat), kadang-kadang rasa ada yang tak betul. Tapi, kita didik mahasiswa sebagaimana anak kita.

"Kalau kita rasa mereka agak keterlaluan, kita tegur. Begitu juga kebebasan akademik, kita tak mahu kongkong cuma ada

peraturan. Janganlah kita bawa fahaman perkáuman, nak 'berperang' dengan kaum lain dan bawa fahaman Islam yang jumud. "Kalau orang tak setuju dengan parti saya, dia masuk neraka. Islam apa macam itu? Ini tidak akan diizinkan. Tapi, apakah perlu buat bantahan atau demonstrasi? Kalau nak cakap, cakaplah di sini (dialog).

"Keadaan sekarang berubah. Tak semestinya kita guna kaedah sebagaimana tahun 1960-an dan 1970-an. Mahasiswa perlu berfikir secara kreatif. Jangan jadi macai (pentaksib), jangan jadi walaun (label yang diberikan kepada penyokong atau pentaksib parti) yang kata semua (dakwaan) betul walau ada kalanya tak masuk akal," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Dialog Bersama Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Se-Malaysia di sini,

pada Jumaat.

Hadir sama ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mohamed Khaled Nordin; Pengerusi Lembaga Pengarah UiTM, Profesor Emeritus Datuk Dr Raduan Che Rose dan Naib Canselor UiTM, Professor Datuk Dr Hajah Roziah Mohd Janor.

Jelas Anwar, sebagaimana kebebasan di Parlimen, beliau bersedia mendengar sebarang bantahan, namun tidak bersetuju jika ada dakwaan tidak benar.

"Kalau kata (dakwa) kerajaan sekarang zalim, takkan kita kena setuju? Sebab apa zalim? Sebab anaktirikan negeri pembangkang dan mengurangkan dana?

"Saya berpegang fakta semua negeri termasuk Terengganu, Kelantan, Perlis dan Kedah, kita tambah peruntukan. Yang dengar dakwaan walaun, akan kata kerajaan zalim. Bila beri fakta ini, dia senyap sekejap," katanya.

18

UTUSAN MALAYSIA
ISNIN • 3 APRIL 2023

Rencana

KORI
ARIFF

RATA-RATA keluarga besar Universiti Utara Malaysia (UUM) gembira dengan pengumuman Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin baru-baru ini untuk melantik Profesor Dr. Mohd. Foad Sakdan sebagai Naib Canselor universiti itu yang ke-10, berkuat kuasa sejak malam.

Kegembiraan itu sebahagiannya berpunca daripada personaliti Mohd. Foad yang sangat dikenali dalam kalangan warga UUM sebagai seorang yang rajin bekerja untuk kepentingan organisasi, tidak sombang dan suka membantu orang lain.

Walaupun beliau bertugas sebagai Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Perlis (Unimap) selama 10 tahun, tetapi beliau sebelumnya lebih lama berkhidmat sebagai ahli akademik di UUM melebihi 24 tahun.

Inilah sebab dalam kenyataan Kementerian Pendidikan Tinggi pelantikannya disifatkan seumpama sirih pulang ke gagang, kerana beliau antara warga awal membangunkan UUM dan mengetahui falsafah, misi dan visi penubuhan universiti pengurusan ini. Beliau yang berasal dari Muar, Johor, berkelulusan ijazah sarjana dan sarjana muda dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dalam bidang Sains Politik, sebelum menjadi ahli akademik sepenuh masa di UUM.

Mohd. Foad juga berkelulusan ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti of Hull, England, dalam bidang Pengurusan Konflik. Bidang ini menjadi sangat akrab dan sebat dengan dirinya dari segi pengurusan dan pentadbiran.

Beliau diiktiraf ramai sebagai antara pakar yang boleh menyelesaikan konflik organisasi dan kepakaran ini tentu sangat bermanfaat untuk mengharmonikan sesebuah organisasi, khususnya di UUM. Ini kerana konflik yang wujud, sama ada secara vertikal atau horizontal, wajib diselesaikan supaya tidak akan mengganggu perjalanan sesebuah organisasi.

Kerangka tadbir madani perlu pandu universiti



MOHAMED Khaled Nordin (tengah) menyerahkan watikah lantikan sebagai Naib Canselor UUM ke-10 kepada Mohd. Foad Sakdan (kanan) pada 30 Mac lalu di pejabat Menteri Pendidikan Tinggi sambil diperhatikan oleh Ketua Setiausaha, Datuk Seri Abdul Razak Jaafar.

Buku berjudul *Pengurusan Konflik* terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) yang ditulisnya mendapat permintaan tinggi dalam kalangan pelajar dan orang awam yang ingin memahami bidang terbabit. Dalam bidang penyelidikan pula, Mohd. Foad berpengalaman luas apabila diberi tanggungjawab sebagai Pengarah Pusat Penyelidikan dan Inovasi UUM selama enam tahun dari 2007 hingga 2013.

Beliau juga berjaya melahirkan berpuluhan-puluhan pelajar berijazah PhD dan sarjana. Selain itu, Mohd. Foad juga dilantik menjadi pemeriksa calon PhD dari pelbagai institusi pendidikan tinggi seluruh negara. Selain berjaya menyempurnakan projek penyelidikan, beliau turut menghasilkan berbelas buku ilmiah, penerbitan persidangan selain menulis pelbagai artikel jurnal dan monograf.

Falsafah tadbir urus beliau tentunya berteraskan kerangka madani yang meletakkan sifat ihsan, mendahului pertimbangan lain. Seorang kawan lamanya di UUM menyatakan, kepemimpinan Mohd. Foad tidak berdasarkan dendam,

**“
Beliau diiktiraf ramai sebagai antara pakar yang boleh menyelesaikan konflik organisasi.”**

sebaliknya profesional untuk bersama-sama meletakkan universiti pada tahap membanggakan generasi kini dan akan datang. “Pemilihan menteri sangat tepat pada masanya dan menepati kehendak akar umbi UUM, baik dalam kalangan pensyarah, pentadbir mahupun di kalangan pelajar,” katanya.

CONTOH

Selepas menemui ahli jawatankuasa pengurusan universiti pada hari pertama memasuki pejabat, beliau menyusun jadualnya untuk bertemu Persatuan Kakitangan Akademik, Persatuan Pegawai Tadbir dan Profesional, selain menetapkan untuk solat berjemaah dan mengadakan

salah satu elemen utama kepemimpinannya. Apabila ada segelintir pelajar mendesak untuk dihapuskan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (HEP) di universiti, beliau dengan cepat membantah kerana Jabatan HEP telah memainkan peranan utama dalam membimbing mahasiswa agar sentiasa rasional, berintelektual dan berprinsip.

Elemen demikian akan membina sahsiah seorang mahasiswa apabila menjadi graduan nanti, bukan semata-mata pembangunan bersifat akademik semata-mata. Salah satu prinsip penting pembangunan madani adalah sifat ihsan yang perlu diterapkan kepada mahasiswa.

Sifat ihsan itu bermakna meresapkan sifat kasih kepada Pencipta dan kasih sesama manusia, yang apabila digabungkan dengan pembangunan akademik akan menghasilkan warga madani yang diuar-uarkan oleh kerajaan perpaduan kini.

Seperti kata Mohamed Khaled pada 16 Disember 2022 selepas diangkat menjadi Menteri Pendidikan Tinggi kali kedua, seseorang naib canselor yang dilantik tidak dipertikai dari segi kesarjanaan namun dari segi kepimpinan yang sebahagian menepati dan sebahagian tidak menepati.

“Ada sesetengah universiti tidak wujud suasana harmoni antara kakitangan akademik, pelajar dan naib canselor, walaupun kesarjanaan naib canselor tidak boleh dipertikaikan,” katanya.

Sesungguhnya pemilihan Mohd. Foad yang merupakan profesor bidang pengurusan konflik diharapkan boleh menyelesaikan konflik dan suasana kurang harmoni dalam kalangan warga UUM dan pemegang taruh utama.

Suasana yang kondusif demikian akan melonjakkan UUM sebagai sebuah universiti dihormati dan unggul dalam bidang pengurusan serta perniagaan selain mampu menjadi contoh kepada universiti lain.

PENULIS ialah pegawai tadbir di Universiti Utara Malaysia (UUM).

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: KUALA LUMPUR BANDAR SASTERA

SUMBER: SINAR HARIAN MUKA SURAT : 34

TARIKH : 09/04/2023

34 | SENI & BUDAYA

9 APRIL 2023 | SINAR AHAD

Kuala Lumpur bandar sastera



LINGKARAN
SENI

MANA SIKANA

Alhamdulillah, keinginan kita untuk mendapatkan seorang senator daripada kalangan sasterawan telah termakbul. Dengan pelantikan Datuk Seri Dr Awang Sariyan, suara sasterawan tentang bahasa, sastera dan budaya akan terdengar di Dewan Rakyat. Nampaknya dua artikel sebelum ini 'Senator Sastera di Dewan Negara' dan 'Lantik Sasterawan sebagai Senator' di ruangan ini mempunyai impak dan pragmatiknya yang kuat dan tersendiri.

Dalam konteks ini, elok juga jika kita meninjau semula, beberapa kenyataan terdahulu yang pernah dicatatkan dalam dua buah artikel tentang pelantikan senator itu. Tuntutan dan keperluan suara sasterawan di Dewan Rakyat itu, demi banyaknya persoalan dan permasalahan besar, yang belum dan tidak dapat dipecahkan. Antara yang masih belum selesai persoalananya, seperti Dasar Sastera Kebangsaan yang sudah dirumuskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan 1971. Banyak pertemuan dalam kalangan penguasa sastera telah membincangkannya, namun masih tersekat kewujudannya. Rancangan pembangunan sastera yang menjadi idaman dan harapan para pengarang di negara ini masih terabai.

Suara sumbang senantiasa mencari jalan menggugat kedudukan sastera kebangsaan. Datangnya dari pelbagai penjuru, dengan tujuan untuk melemahkan konsep dan kuasa sastera kebangsaan itu. Dasar Sastera Kebangsaan itu yang sudah dirancang berpuluh-puluh tahun itu, sudah sampai masanya untuk dilegitimasikan. Terus sahaja dimantapkan dan dipertahankan.

Menarik juga, Ketua Satu Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena), Dr Saleeh Rahamad pernah menjelaskan, sudah berlangsung beberapa pertemuan untuk membincangkan semakan semula Dasar Sastera Kebangsaan. Dasar itu perlu dimartabatkan secara per-

undangan, bukan lagi kekal sebagai konsep longgar yang sentiasa terdedah kepada cabaran para demagogik politik.

Memang diakui sastera masih berada di tempat terpinggir dalam agenda pembangunan nasional. Teknologi dan sains menenggelamkan sastera.

Muzium sastera

Selain itu persoalan lain yang perlu diambil perhatian ialah penubuhan Muzium Sastera Negara, juga patut dihidupkan semula. Beberapa tahun dahulu sudah ditentukan konsep dan pembinaannya, tetapi kini cita-cita itu sudah menghilang dari ingatan. Tidak perlu diulang betapa signifikannya sebuah muzium sastera bertaraf kebangsaan didirikan.

Hayat sastera Melayu sudah terlalu panjang dan tua, serta pernah menjadi alat penggerak semangat kemerdekaan, dan berusaha pula melakukan pengisinya pada zaman pascamerdeka. Rasanya, tidak ada sebarang fenomena yang dapat menghalang usaha perwujudan Muzium Sastera Negara itu. Meski sudah ada muzium sastera di Melaka dan Selangor, tetapi kita memerlukan yang beridentiti kenegaraan seperti Muzium Negara.

Sebuah lagi gerakan yang wajib dihidupkan ialah anjuran Gabungan Penulis Nasional (Gapena) mencadangkan dalam sistem pendidikan negara supaya mata pelajaran sastera, diangkat tarafnya menjadi mata pelajaran wajib bersama Bahasa Melayu, Inggeris, Pendidikan Islam dan Moral, Sejarah, Matematik dan Sains. Pelajaran sastera antara falsafahnya ialah mer manusiakan manusia dan mengembalikannya kepada taraf insaniyah. Serombongan ahli Gapena telah menyerahkan memorandum kepada Menteri Pendidikan, tetapi hingga kini tiada sebarang tindakan.

Rasanya pertemuan perlu dibuat antara Gapena dengan Menteri Pelajaran Malaysia, Fadhlina Siddiq. Ayahnya, Siddiq Fadzil, mantan Presidan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) adalah kawan persekolahan saya di Sekolah Izuddin Shah Ipoh.

Sebuah rancangan yang perlu diambil perhatian ialah menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar sastera. Situasi ini sama dengan bandar sastera Athens kepada Greek, Paris kepada Perancis



Kerajaan diminta mengambil serius cadangan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar sastera.

dan Saint Petersburg kepada Russia. Athens ialah ibu kota serta bandar raya terbesar negara Yunani dan tempat asal demokrasi. Kota yang dinamai sempena nama dewi Athena berdasarkan mitologi ini, salah sebuah bandar raya yang tertua di dunia, dengan sejarah tercatat sekurang-kurang 3,000 tahun, tempat berkumpulnya dramatis, pengarang dan para pelibat kesenian.

Fungsi DBP

Pada tahun 1993, sewaktu saya menjadi kolumnis ruangan 'Sastera Melayu' di *Utusan Malaysia*, saya ada mencadangkan: Kuala Lumpur menjadi bandar Sastera Islam Sedunia. Dalam kesedaran ini, suatu perancangan yang sistematis haruslah diatur. Sebuah organisasi elok ditubuhkan untuk melaksanakan 'Pusat Pengembangan Sastera Islam Sedunia' di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) boleh menjadi sekretariatnya.

Jika perlu sebuah jawatankuasa perlu ditubuhkan dengan segera untuk mengendalikan pusat tersebut, supaya cita-cita untuk mengembangkan sastera Islam di Malaysia khasnya dan dunia amnya terlaksana dengan sebaik-baiknya. Tentu sahaja dengan wujudnya pusat itu nanti, sebarang kegiatan ke arah mencemerlangkan sastera Islam berjalan dengan lancar. Tanpa wang dan kemudahan tentu segala-galanya tidak akan berjalan.

Saya juga pernah mengharap dalam usaha mempertingkatkan martabat ke-

susasteraan, sebuah institusi khas seperti Frankfurt School atau Institut Penyelidikan Sastera patut kita tubuhkan. Kita memang sudah mempunyai DBP, Akademi Pengajaran Melayu, Institut Alam dan Tamadun Melayu dan sebagainya, tetapi skopnya terlalu luas; mencakup segala bidang pengajaran Melayu termasuk bahasa, kebudayaan dan sebagainya. Apa yang saya maksudkan di sini ialah sebuah institusi, institut atau school yang khusus dan mengkhususkan diri hanya kepada bidang sastera dan kesusasteraan sahaja.

Namanya, mungkin 'Institut Kesusasteraan' atau apa sahaja. Maka berkumpullah bijak pandai sastera, ilmuwan dan sasterawan dalam Institut Kesusasteraan ini. Dan tugas yang terpenting ialah para ilmuwan akan memberi fokus ke arah menghasilkan penyelidikan dan teori-teori sastera terbaru, sementara sasterawan menghasilkan teks-teks yang lebih bermutu. Ertinya lebih menangani persoalan kesusasteraan terkini dan arah masa hadapan.

Saya percaya pandangan ini bukan hanya utopia, bukan juga bertindih dengan institusi yang lain. Saya rasa sudah sampai masanya kita mempunyai sebuah Institut Kesusasteraan yang akan menjadi lambang kekuatan kesusasteraan moden dan pascamodenisme negara.

* Mana Sikana ialah nama pena Dr Abdul Rahman Napiah. Beliau ialah pengkritik, pengkaji

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: POLITEKNIK JELI SEDIA JADI HAB KETERJAMINAN MAKANAN

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 27

TARIKH : 10/04/2023

04 / 10 / 2023 / P27 Politeknik Jeli sedia jadi hab keterjaminan makanan



Ulaimi (tengah) dan Timbalan Ketua Pengarah (Governor) Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kamaludin Daud (dua dari kiri) menunjukkan bongkah cendawan yang diusahakan di Politeknik Jeli.

Jeli: Politeknik Jeli Kelantan (PJK) bersedia menjadi hab keterjaminan makanan berdasarkan kemampuannya melahirkan lulusan bidang agroteknologi dan akuakultur.

Pengaruhnya, Ulaimi Yahya, berkata kedua-dua kursus itu ditawarkan pada peringkat diploma dan mendapat pengiktirafan daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) serta akreditasi penuh daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dan pensijilan EOMS ISO 21001:2018 daripada pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Katanya, di bawah Pusat Latihan Agropreneur Incubator

(AITC), terdapat lapan inkubator yang sediada di PJK khusus untuk ternakan akuakultur selain penanaman cendawan, produk akuakultur dan lebah kelulut.

Pusat latihan cendawan

“Untuk inkubator cendawan PJK mendapat pertaulahan sebagai Pusat Latihan Cendawan Organik dengan memperoleh Pensijilan Organik Malaysia (Myorganic) pada 23 Jun tahun lalu dengan ladang berkeluasan 0.4 hektar,” katanya.

Pengiktirafan itu menurutnya, melayakkan PJK untuk menjadi pusat latihan cendawan tiram kelabu dan cendawan kukur organik dengan menghasilkan produk

pertanian yang dijamin berkualiti dan selamat dimakan.

Di samping itu katanya, PJK dapat memberi khidmat latihan dan bimbingan kepada pelajar serta komuniti yang berminat mencebur industri cendawan.

“PJK baru sahaja memeterai jalinan kolaborasi dengan Pergau Jaya Enterprise dalam bentuk kerjasama jual beli 20,000 ribu bongkah cendawan melalui inkubator cendawan yang diselia oleh AITC.

“Kerjasama turut dibuat bersama Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) yang berperanan sebagai penyedia latihan dan keparawanan berdasarkan keusahawanan digital kepada pelajar,” katanya.

AJUK: SISTEM SPA9 BERTEKNOLOGI TINGGI, BUAT TAPISAN AWAL

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 03

TARIKH : 03/04/2023

BH Isnin, 3 April 2023

Nasional

3

Sistem SPA9 berteknologi tinggi, buat tapisan awal

SPA sekat cubaan lebih 46,000 permohonan guna identiti palsu

Oleh Sariha Mohd Ali
sariha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) berjaya mengesan dan menyekat cubaan lebih 46,000 individu, termasuk warga asing dan mereka yang menggunakan identiti palsu untuk memohon kerja dalam sektor awam sejak 2020 hingga 15 Mac lalu.

Mereka adalah antara 2.2 juta pemohon yang mengisi maklumat peribadi bagi memohon kesongan perjawatan yang ditawarkan dalam sektor perkhidmatan awam bagi tempoh lebih dua tahun lalu.

Pengerusi SPA, Tan Sri Zainal Rahim Seman, berkata pihaknya dapat menyekat cubaan 'mence-roboh' sistem perkhidmatan awam dengan menggunakan teknologi padanan nombor kad pe-

ngenal pemohon dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9).

Beliau mendedahkan sebanyak 45,846 permohonan dikesan membabitkan mereka yang dikategorikan sebagai rekod tidak sah kerana padanan nombor kad pengenalan tidak tepat, manakala 1,112 permohonan dibuat oleh bukan warga negara atau hanya berstatus penduduk tetap (PR).

Sebanyak 491 permohonan puna membabitkan mereka yang disenarai hitam atau penipuan pendaftaran kelahiran di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Zainal Rahim berkata, cubaan melakukan pemalsuan, penyamaran dan penyalahgunaan identiti untuk memohon kerja di sektor awam selepas disemak silang dengan maklumat di JPN.

"SPA sudah mengintegrasikan penggunaan kad pengenalan sebagai identiti pengguna dengan Sistem MyIdentity JPN bagi mendapatkan pengesahan kewarganegaraan individu yang memohon jawatan."

"Jadi, nombor kad pengenalan individu yang diisi dalam SPA9 membolehkan kita menjana semua maklumat peribadi, kelaya-

kan akademik, pengesahan permohonan pekerjaan, pengemas kinian maklumat serta semakan status permohonan semasa.

"Langkah ini membolehkan SPA mengesan mana-mana pihak yang cuba melakukan pemalsuan, penyamaran dan penyalahgunaan identiti untuk memohon kerja dalam sektor kerajaan yang hanya dikhaskan untuk rakyat Malaysia," katanya kepada BH, semalam.

Sistem padanan pekerjaan

SPA9 yang diperkenalkan sejak 2020 turut dilengkapi sistem padanan pekerjaan, iaitu menyediakan kemudahan kepada pemohon kerja untuk menyemak skim jawatan bersesuaian dengan kelayakan mereka.

Sistem itu dibangunkan dengan teknologi kecerdasan buatan menggunakan model pembelajaran mesin bagi menganalisis data pemohon kerja membabitkan kelayakan akademik, lokaliti pemohon dan ibu bapa, kelulusan peningkatan secara lantikan (PSL), jawatan bekas tentera, had umur serta bakat atau kemahiran.

Mengulas lanjut mengenai SPA9, Zainal Rahim berkata, sis-

tem 'job matching' akan menyelesaikan dan melakukan padanan kerja berdasarkan syarat skim perkhidmatan dengan jawatan dimohon pemohon.

Katanya, melalui proses ini, pemohon menerusi SPA9 dapat mengetahui jawatan bersesuaian dan layak untuk dimohon.

"Penggunaan SPA9 juga dapat memastikan data permohonan yang diterima adalah sahih dan tepat, selaras inisiatif MyDIGITAL, iaitu perkongsian data antara sektor awam bagi memastikan kualiti data dan ketelusan dalam sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan."

"Sistem SPA9 mengadaptasi pendigitalan dengan menggunakan teknologi baharu seperti automasi, analisis data raya, simulasi, integrasi sistem, keselamatan siber, kepintaran buatan dan Internet of Things (internet ke-bendaan)," katanya.

Beliau berkata, berikutnya data pemohon kerja yang semakin meningkat, teknologi analisis data raya dilaksanakan di SPA membolehkan keputusan dibuat berdasarkan fakta dan data dengan lebih tepat serta sistematik.

"Sistem SPA9 yang berteknologi tinggi ini juga dapat mem-

• Penggunaan SPA9 juga dapat memastikan data permohonan yang diterima adalah sahih dan tepat, selaras inisiatif MyDIGITAL

Zainal Rahim Seman,
Pengerusi SPA



buat tapisan awal mengekang pihak tidak sepatuinya memasuki perkhidmatan awam."

"SPA9 juga berupaya membuat janaan data diperoleh secara automatik babitan maklumat pemohon. Ia sekali gus mengurangkan keperluan pengisian maklumat pengguna secara manual, sekali gus mengurangkan kesilapan data dan ralat dalam permohonan pekerjaan," katanya.

Sementara itu, Zainal Rahim berkata, hasil analisis dijalankan ke atas data pemohon kerja SPA mendapat 55 peratus daripada pemohon menggunakan telefon pintar bagi mengakses sistem SPA9, manakala 44 peratus menggunakan komputer dan 11 peratus lagi menerusi tablet.

Katanya, sistem SPA9 direka bentuk supaya lebih konsisten, responsif dan kebolehpakaian terhadap semua jenis pelayar internet dan peranti mudah alih.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: SISWA PEKA JENAYAH SIBER

SUMBER: HARIAN METRO MUKA SURAT : 36

TARIKH : 03/04/2023

36 | AKADEMIK

HARIAN METRO

ISNIN 3 APRIL 2023

SISWA PEKA JENAYAH SIBER

Jalinan kerjasama ICSCB dengan enam IPT bangun proram dalam bidang keselamatan digital

FOTO SAMADI AHMAD



Oleh Samadi Ahmad
rencana@hmetro.com.my

Badan Pensijilan Keselamatan Siber Antarabangsa (ICSB) dengan kerjasama Institut Keselamatan Siber (CSI), Majlis Tindakan Pengguna Negara (MTPN) dan Majlis Pemerkaasan Pendidikan Negara (MPPN) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan enam institut pengajian tinggi bagi mendidik serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan orang ramai berkenaan jenayah siber baru-baru ini.

Enam institusi pengajian tinggi (IPT) itu terdiri daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Alzette, Universiti Saito dan Universiti Perdana.

Presiden ICSB, Keen Fai Chew berkata, MoU itu memberi peluang kepada pelajar menyertai program yang ditawarkan secara percuma dan boleh dijadikan sebagai nilai tambah selain bidang dipelajari mereka di universiti.

Menurutnya, dalam era digital hari ini keselamatan internet sangat penting kerana pelbagai mesej sensitif seperti data peribadi, penyata akaun dan harta intelek perlu dilindungi daripada diceroboh serta dicuri pihak tidak bertanggungjawab.



ICSB menandatangani MoU dengan enam IPT bagi mendidik dan mewujudkan kesedaran berkenaan jenayah siber baru-baru ini.

Katanya, program ditawarkan ini menjadi satu daripada inisiatif bagi mendidik golongan muda supaya peka terhadap serangan siber seterusnya mampu mendidik masyarakat luar berkenaan jenayah moden yang bukan hanya berlaku di Malaysia, malah di seluruh dunia.

"ICSB berhasrat menambah baik struktur tadbir urus industri

keselamatan siber yang mengikut piawaian dan menyediakan penyelesaian keselamatan komprehensif dalam membendung gejala serangan siber di negara ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pusat Pendidikan dan Rangkaian Penyelidikan Keselamatan Siber UiTM, Dr Nor Masri Sahri berkata, pihaknya menyambut baik tawaran diberikan ICSB

kerana program berkenaan boleh dijadikan sebagai nilai tambah kepada pelajar selepas menamatkan pengajian.

Menurutnya, MoU ini juga membuka peluang baharu kepada universiti untuk menawarkan kursus secara kolaborasi yang dijangka diadakan dalam masa terdekat dan menyasarkan penyertaan 500 pelajar.

Katanya, kursus ini diadakan antara tiga hingga enam bulan termasuk pelajar perlu menduduki peperiksaan bagi melayakkan mereka mendapat sijil.

"Pelajar yang menyertai program ini akan mendapat sijil dan menjadi nilai tambah kepada mereka ketika memohon pekerjaan selepas tamat belajar," katanya.

ICSB berhasrat menambah baik struktur tadbir urus industri keselamatan siber yang mengikut piawaian dan menyediakan penyelesaian keselamatan komprehensif dalam membendung gejala serangan siber di negara ini

FAI CHEW

Surah al-Mu'minun pandu mukmin ubah diri

Oleh Dr Abdul Rashid
Abdul Aziz



Pensyarah Kanan
Fakulti Kepimpinan
dan Pengurusan,
Universiti Sains
Islam Malaysia
(USIM)

Manusia diiktiraf sebagai sebaik-baik ciptaan oleh Pencipta sendiri. Pengiktirafan itu digandingkan pula dengan kedudukan manusia sebagai khalifah di muka bumi dikurniakan akal bijaksana dan luar biasa tetapi sejauh mana kejayaan kita menunaikan tanggungjawab itu bergantung kepada bagaimana kita melaksanakannya.

Umar al-Khattab RA meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Diturunkan kepadaku 10 ayat (ayat 1 hingga 10 surah al-Mu'minun), sesiapa mengerjakannya akan memasuki syurga. Kemudian dibacanya ayat pertama sehingga ayat ke-10." (Hadis riwayat Ahmad)

Hasil daripada 10 ayat itu menyatakan enam perkara perlu dilakukan untuk membentuk mukmin berjaya, sekali gus wajar diperlakukan sepanjang Ramadan sebagai latihan untuk menjadikannya amalan berterusan selepas bulan barakah ini.

Antara intipati kandungan surah al-Mukminun itu ialah pertama, khusyuk dalam solat.

Mu'az Ibnu Jabal RA meriwayatkan Nabi SAW bersabda: "Pokok segala urusan ialah Islam, tiangnya adalah solat dan kemuncaknya adalah berjihad." (HR Tirmizi)

Dapat disimpulkan, solat menjadi tiang agama bertindak seperti asas pada agama seseorang. Solat berkualiti perlu dikerjakan khusyuk agar kenikmatan beribadah dapat dirasai dan ketenangan menjadikan seseorang mempunyai emosi stabil dalam berhadapan dugaan hidup.

Menunaikan zakat menjadi amalan filantropi mendekatkan diri dengan syurga dan mendidik hati untuk menjadi insan beriman.
(Foto hiasan)



Kedua, menjauhkan diri daripada perkara sia-sia. Kebanyakan waktu tanpa disedari dihabiskan begitu sahaja sedangkan ia tidak membawa sebarang faedah.

Hakikatnya, setiap hari sepanjang Ramadan memiliki banyak keistimewaan masing-masing tetapi aktiviti seperti terlalu lama tidur, menonton televisyen, melepak, melayari laman web melalaikan tergolong sebagai perbuatan sia-sia.

Kesemua perkara itu membuatkan diri semakin jauh dengan Allah SWT, malah membawa kerugian pada diri sendiri. Oleh itu, pengisian aktiviti bermanfaat dalam bulan barakah ini seperti beriadah, membaca buku, tadabbur al-Quran, mengemas rumah dan menghasilkan penulisan bermanfaat amat dianjurkan kerana akan membawakan hasil baik untuk diri sendiri malah memperbaiki diri menjadi jauh lebih baik.

Tunai zakat

Perkara ketiga yang perlu dilakukan adalah menunaikan zakat. Hidup bermasyarakat mengajar manusia



membantu antara satu sama lain. Hal ini dituntut dalam Islam untuk membantu golongan tidak berkecukupan.

Oleh itu, menunaikan zakat menjadi amalan filantropi mendekatkan diri dengan syurga dan mendidik hati untuk menjadi insan beriman. Lebih-lebih lagi apabila kita berada dalam Ramadan ini yang memerlukan kita bersegera menuaiannya.

Seterusnya keempat, adalah dengan memelihara kemaluan. Hal ini bererti, setiap individu perlu mencegah diri daripada melakukan kemaksiatan dan bergaul bebas tanpa batas dengan ajnabi (bukan mahram) mengundang kepada ketelanjuran melakukan maksiat seperti berzina.

Justeru seperti disebut dalam firman Allah SWT: "Katakanlah (wahai Muhammad)

kepada orang lelaki beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui tentang apa yang mereka kerjakan." (an-Nur: 30)

Hal ini menunjukkan pentingnya menjaga pandangan mata untuk menghalang berlakunya perbuatan maksiat.

Kelima, memelihara amanah dan janji. Firman Allah SWT: "Wahai orang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)." (al-Anfaal: 27)

Berdasarkan ayat ini, mukmin dilarang melanggar amanah Allah SWT dan Rasul-Nya dan tidak menjaga dengan baik amanah yang diberikan oleh seseorang. Oleh

itu, pentingnya untuk menepati janji dan menjaga amanah untuk mendidik diri menjadi bertaqwa dan bertanggungjawab pada setiap amanah dan janji diberikan.

Perkara terakhir ialah menjaga solat. Solat menjadi amalan pertama akan dihisab di padang mahsyar. Oleh itu, solat perlu dilaksanakan melainkan dalam keadaan uzur meskipun dalam bermusafrir dengan Allah SWT memberi keringanan (rukhsah) untuk melakukan solat qasar dan jamak.

Sehubungan itu, solat menjadi kewajiban Muslim dan meninggalkan secara sengaja adalah dilarang dalam Islam.

Allah SWT berfirman: "Sesungguhnya solat itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan ke atas orang yang beriman dan ditentukan waktunya." (an-Nisa': 103)

Hal ini memperlihatkan pentingnya solat perlu dikerjakan dan solat ini membawa manfaat kepada mukmin untuk meningkatkan iman, mencegah diri melakukan maksiat, dan mendekatkan diri dengan Allah SWT.

Hasil intisari surah al-Mukminun ayat satu hingga 10 itu, ia memberi panduan untuk setiap individu mengubah diri dan berazam untuk memperbaiki diri menjadi lebih baik dan sempurna iman dan akhlaknya.

Ramadan yang sedang kita lalui ini seharusnya menjadi titik permulaan untuk mengamalkan segala intipati daripada surah ini agar beroleh setiap ganjaran dijanjikan Allah SWT.

Hal itu menjadikan seorang mukmin lebih berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Selain itu, bermuhasabah diri juga perlu sentiasa dilakukan untuk koreksi diri dan memperbaiki kelemahan diri.

KERATAN AKHBAR PERPUSTAKAAN POLITEKNIK PORT DICKSON

TAJUK: UMT AGIH DANA USAHAWAN SISWA

SUMBER: BERITA HARIAN MUKA SURAT : 08

TARIKH : 03/04/2023

BH Isnin, 3 April 2023

UMT agih dana usahawan siswa

Inisiatif sokong minat pelajar dan hasrat universiti

Oleh Amirul Salam Hasan
bhpendidikan@bh.com.my

Kuala Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu (UMT) memperkenalkan skim bantuan dana perniagaan kepada mahasiswa terpilih.

Inisiatif yang dinamakan sebagai Program Bantuan Modal Permaiuan Perniagaan Pelajar UMT adalah kesinambungan bagi Kursus Asas Keusahawanan yang menjadi kursus teras dan perlu

diambil oleh semua pelajar.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Mohd Zamri Ibrahim, berkata dana itu diperkenalkan bagi menyokong minat pelajar dan hasrat universiti.

“Kita dapat maklum balas daripada mahasiswa yang berminat untuk menceburi bidang perniagaan, namun kekurangan modal.

“Selaras dengan kursus asas keusahawanan yang ditawarkan di UMT, kami meluluskan sejumlah peruntukan untuk dijadikan modal kepada mahasiswa yang mempunyai strategi perniagaan, produk yang berpotensi serta dibimbing oleh jurulatih yang juga pensyarah dalam bidang keusahawanan,” katanya.

Mohd Zamri berkata, program itu melengkapkan ekosistem keusahawanan di UMT apabila pe-

lajar bukan sahaja didekah dengan teori tapi juga berpeluang untuk melaksanakan idea perniagaan.

Bantuan bermakna

Sementara itu, pelajar tahun dua program Sarjana Muda Ekonomi, Siti Anis Sabrina Sukri teruja kerana terpilih menerima dana permulaan perniagaan berjumlah RM13,000.

“Saya sudah bergiat dalam perniagaan beberapa tahun lalu. Pelbagai produk pernah saya jual tapi sekarang hanya fokus kepada baju kurung, kurung selain tudung dan blaus.

“Bantuan ini sangat bermakna untuk saya yang ingin menjalankan perniagaan bagi menampung perbelanjaan di kampus. Ia menggalakkan lebih ramai pelajar lain untuk turut serta,” katanya.



Antara pelajar terpilih menerima dana permulaan perniagaan berjumlah RM13,000.